

07 SEP 1999

KUMPULAN-AMF

KUMPULAN NEGARA-NEGARA DI BAWAH AMF AKAN MAIN PERANAN PENENTU

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perkumpulan negara-negara yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berusaha menarik ke dalam Tabung Matawang Asia (AMF) boleh memainkan peranan penentu dalam mengubah debat global mengenai kerosakan kewangan dunia, apabila ia muncul sekali lagi di masa akan datang.

Di dalam lidah pengarang oleh Executive Intelligence Review (EIR), yang dikeluarkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), adalah disebut bahawa semasa lawatan perdana menteri baru-baru ini ke China, beliau mengulangi seruannya pada 1997 supaya Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dan AMF diadakan.

"Sekiranya institusi-institusi ini wujud, Thailand, Indonesia dan Korea Selatan telah diselamatkan daripada berpaling kepada IMF (Tabung matawang Antarabangsa)," EIR memetik Dr Mahathir sebagai ebrkata di dalam ucap utamanya pada forum ketiga Malaysia-China di Beijing.

Perdana menteri berkata Jepun telah menerima gagasan itu dan sokongan China adalah penting kepada penubuhan AMF, satu cadangan yang ditolak oleh Amerika Syarikat dan IMF.

Menyentuh mengenai langkah-langkah defensif atau kawalan modal yang perlu diambil oleh Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan negaranya dalam menghadapi IMF dan bank-bank antarabangsa yang tidak menyokong, EIR berkata mereka tidak merupakan penyelesaian jangka panjang bagi negara ini, rantau ini dan dunia seperti yang sentiasa di tekankan oleh Dr Mahathir.

Buih spekulatif global, bergabung dengan kesan tekanan ke atas pengeluaran dan perdagangan dunia, kekal sebagai ancaman kepada kesejahteraan semua negara kerana spekulator-spekulator masih boleh menghakis kemakmuran yang rapuh, kata EIR.

Satu-satunya langkah keselamatan sebenar yang boleh diberikan kepada semua negara dunia adalah penggunaan pakai awal langkah-langkah kawal seliaan asas sistem lama Bretton Woods.

Sistem itu berkuat kuasa melalui lawalan matawangm pariti tetap dan seumpamanya yang bergabung dengan pengukuhan perbankan negara dan penyusunan semula hutang yang membuka jalan bagi pengeluaran kredit berfaedah rendah yang besar-besaran bagi projek-projek pembangunan besar, tambah EIR.

Faktor yang paling membimbangkan bagi negara-negara kecil ialah kegagalan pentadbiran AS menggugurkan sokongannya secara terbuka bagi langkah-langkah IMF yang merosakkan dan memberikan pertimbangan umum yang serius kepada penyusunan semula kewangan global, tambahnya.

EIR berkata Malaysia mengambil langkah awal ke arah ini setahun lalu tetapi tidak banyak masa tinggal bagi negara-negara utama lain untuk memainkan peranan mereka untuk sebuah orde ekonomi dunia baru dan adil. --
BERNAMA

MFZ LPS OS